

Wanita Umno Perak minta kerusi lagi

IPOH, Isnin — Wanita UMNO Perak akan meminta tambahan satu lagi kerusi parlimen, di samping mengekalkan tiga kerusi sekarang dari pucuk pimpinan parti untuk mereka wakil dalam pilihanraya umum akan datang.

Adalah difahamkan perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa Wanita UMNO Negeri yang dipengerusikan oleh Ketuanya, Toh Bijayawati Onn Zariah Abu Bakar, di sini kelmarin.

Pada masa ini anggota Pergerakan Wanita itu yang menjadi wakil rakyat di Perak ialah

Puan Yong Fatimah Razali (Parlimen Kuala Kangsar), Puan Hajah Rokiah Kayat (Bota) dan Puan Radziah Marahuddin (Hutan Melintang).

Bercadang

Memandangkan keahlian pergerakan itu sejak kebelakangan ini meningkat di samping memikirkan peranan mereka yang begitu meluas, adalah menjadi hasrat mereka agar satu lagi kerusi parlimen diuntukkan kepada Wanita UMNO Perak.

Permohonan mereka mendapatkan satu kerusi tambahan itu

bagaimanapun terpulung kepada pemimpin-pemimpin UMNO Pusat dan Negeri menentukannya.

Pergerakan tersebut akan menyampaikan hasrat mereka di mesyuarat perhubungan UMNO Perak yang akan datang.

Mereka bercadang mengemukakan kepada mesyuarat tersebut untuk mendapatkan pandangan semua ahli jawatankuasa itu sendiri di samping Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengetuai UMNO Perak.

Mengenai pemilihan calon Wanita UMNO dalam pilihanraya umum kelak, pergerakan itu menyarakannya kepada pucuk pimpinan sama ada masih mahu mengekalkan 'mereka yang ada sekarang atau sebaliknya'.

Sementara itu, seluruh ahli Wanita UMNO Perak di peringkat cawangan dan bahagian diarahkan membantu gerakan pendaftaran pemilih yang sedang giat dijalankan.

Pemimpin dan ahli Wanita UMNO diminta menjalankan kempen rumah ke rumah untuk memberi penjelasan dan penerangan yang sejelas-jelasnya tentang mustahaknya mereka yang layak mendaftar menjadi pemilih agar kaum wanita tidak ada yang tercicir lagi.

Pergerakan itu mengambil perhatian berat mengenai setengah anak gadis yang masih bersikap malu untuk mendaftar khawatir umur mereka diketahui umum.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

N
N